

# MALAYSIA TAK SUKA KARTEL, KATA PM

COLOMBO, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak sukakan kartel apabila beliau mengulangi gesaannya supaya ditingkatkan kerjasama di kalangan pengeluar.

Berucap di majlis makan malam yang diberikan oleh Presiden Sri Lanka J.R. Jayewardene, beliau berkata sebaliknya Malaysia menganggap putar-belit harga oleh negara-negara pengguna sebagai sebahagian daripada kartel.

Beliau memberi jaminan Malaysia tidak akan cuba menggunakan Persatuan Pengeluar Timah yang baru ditubuhkan untuk menjadikan dunia sebagai tebusan.

"Sebaliknya, kami lebih suka berusaha dalam rangkuman persatuan agar kepentingan pengeluar serta pengguna dilindungi," jelasnya.

Oleh yang demikian, Persatuan Pengeluar Timah adalah pertubuhan antikartel yang bertujuan memastikan bahawa barangan itu diniagakan secara bebas dan adil, katanya.

Perdana Menteri juga menyeru negara-negara membangun supaya menyertai secara giat dalam hubungan Selatan-Selatan sementara berusaha ke arah pencapaian susunan ekonomi antarabangsa yang baru.

Beliau berkata kerana Malaysia ingin bekerjasama dengan negara-negara sahabat yang membangun, telah melancarkan rancangan kerjasama teknik Malaysia dalam bidang-bidang yang ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mungkin berguna kepada negara-negara membangun yang lain.

## Hubungan

Sambil menawarkan bantuan kepada Sri Lanka, Datuk Seri Dr Mahathir yang dalam lawatan tiga hari ke sini berkata rancangan itu telah dikemaskinikan baru-baru ini dan Sri Lanka dialukan-alukan menggunakan kemudahan yang ditawarkan.

Beliau menambah, Malaysia juga akan mengalukan tawaran kepakaran daripada Sri Lanka.

Beliau juga membayangkan hasrat hendak memperkukuhkan hubungan Malaysia-Sri Lanka dan menyatakan kedua-dua negara ingin menguatkan masyarakat pelbagai kaum dari segi sosial dan akhlak dan menyediakan asas yang tegas bagi kestabilan dan

kemajuan ekonomi yang berterusan.

Hari ini Perdana Menteri melawat dua buah ampangan besar di Rancangan Pengairan Mahaweli, kira-kira 200 km dari sini.

Projek-projek itu ialah kalam simpanan air Madura Oya dan Ampangan Victoria dan loji hidro elektrik.

Projek Madura Oya, yang dijangka siap tahun ini, sedang dibina oleh sebuah konsortium Kanada.

Datuk Seri Dr Mahathir yang tiba dengan sebuah helikopter, disambut oleh Menteri bagi Projek Mahaweli, Encik Gamini Disanayake dan kemudian dibawa melawat ampangan sepanjang 1,000 meter dan setinggi 40 meter itu.

Beliau kemudian melawat bandar peranginan Kandy dan bersembahyang Jumaat di Masjid Meera Maccam yang dibina pada tahun 1824. Di sebelah petang, beliau melawat sebuah lagi masjid lama, Masjid Melayu Kandy yang dibina pada 1800 oleh seorang yang bernama Tunku Hussein yang dikatakan berasal dari Semenanjung Melayu. Perdana Menteri menderma 50,000 rupee (\$5,200) kepada masjid itu.

Bernama

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia